

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 31 OKTOBER 2014 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Program harta intelek 6 November	Harian Metro
2.	Pertikai Mahkamah Rayuan	Berita Harian
3.	Tiada bukti kukuh berlaku penembusan, kata pembela	BERNAMA
4.	Hanya andaian berlaku tusukan	Harian Metro
5.	Shafee kemuka hujah hari ini	Kosmo
6.	Testimoni Saiful timbul keraguan	Sinar Harian
7.	Waspada penggadam amatur	Harian Metro
8.	Putaran bumi tetap sama	Harian Metro
9.	UNIMAP sasar jadi TRU menjelang 2020	Utusan Malaysia
10.	MTDC lebar sayap syarikat di Timur Tengah	Harian Metro

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 56
TARIKH: 31 OKTOBER 2014 (JUMAAT)

Program harta intelek 6 November

Kuala Lumpur: Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah bagi acara 'IP Makes Sense' pada 6 November tahun 2014 yang akan diadakan di Perbadanan Harta di Wisma UOA, Jalan Bangsar Utama, di sini.

Program yang akan berlangsung dari jam 8.30 pagi sehingga 6 petang itu akan

menampilkan pakar dalam bahagian harta intelek yang terdiri daripada seorang pakar dari Malaysia, dua dari United Kingdom dan seorang dari India.

Penganjur Shamsiah Kamaruddin berkata, program berkenaan akan memberi tumpuan kepada pengkormersialan harta intelek (IP)

sebagai sebuah perniagaan dan berharap rakyat negara ini memanfaatkan melalui perkongsian melalui perbincangan bersama pakar berkenaan.

Acara itu akan dirasmikan Timbalan Menteri Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

RAYUAN KES LIWAT

Pertikai Mahkamah Rayuan

» Peguam Anwar persoal laporan doktor Hospital Pusrawi tak diambil kira

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my
Putrajaya

Peguam Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakhiri hujahan mereka semalam dengan mempertikaikan kegagalan Mahkamah Rayuan mengambil kira laporan doktor Hospital Pusrawi, Dr Mohamed Osman Abdul Hamid mengenai pemeriksaan dilakukannya terhadap Mohd Saiful Bukhari Azlan pada 28 Jun 2008.

Peguam, Ramkarpal Singh berhujah bahawa Hakim Mahkamah Rayuan tersalah arah apabila gagal mengambil kira laporan Dr Mohamed Osman yang tidak menemui sebarang kecederaan pada dubur Mohd Saiful yang mengadu diliwat oleh orang kenamaan (VIP).

"Kegagalan pihak pendakwaan mengambil tindakan bagi mencabar kebolehpercayaan Dr Mohamed Osman menunjukkan keterangan pakar itu adalah kukuh.

"Pihak pendakwaan juga tidak mematahkan laporan Dr Mohamed Osman yang menyatakan Mohd Saiful mendakwa mengalami kesakitan di bahagian dubur, selain dimasukkan plastik," hujahnya.



Anwar (tengah) bersama peguam selepas kes rayuannya ditangguhkan di Istana Kehakiman, Putrajaya, semalam.

Kata Ramkarpal, Mohd Saiful juga ketika memberi keterangan di mahkamah mendakwa diliwat selama lima minit.

Bagaimanapun, Mohd Saiful memaklumkan kepada pegawai penyiasat, Deputy Superintendan Jude Blacious Pereira dan tiga doktor di Hospital Kuala Lumpur (HKL), insiden liwat itu berlarutan selama 30 minit.

Wujud keraguan

"Keterangan Mohd Saiful jelas menimbulkan keraguan kerana sekiranya kejadian liwat berlarutan selama 30 minit, pasti ada kesan kecederaan pada dubur pengadu," katanya.

Bagaimanapun, Ramkarpal berhujah keempat-empat doktor, termasuk tiga doktor HKL iaitu Dr Mohd Razali Ibrahim, Dr Siew Sheue Feng dan Dr Khairul Nizam Hassan, me-

maklumkan tiada kecederaan dialami pengadu (Mohd Saiful).

"Mohd Saiful berkata, dia diliwat dengan rakus dan laju, sehingga sakit dan senak di perut. Namun, pemeriksaan ke atas Mohd Saiful tidak menunjukkan sebarang kesan kecederaan," hujahnya.

Peguam itu merujuk kepada laporan yang disediakan bersama oleh Dr Mohd Razali, Dr Sheue Feng dan Dr Khairul Nizam pada 13 Julai 2008.

Ramkarpal berkata, ketiga-tiga doktor itu tidak meminda dapatan mereka sehinggalah mereka ditunjukkan satu laporan yang disediakan pakar kimia, Dr Seah Lay Hong mengenai analisis terhadap sampel yang diambil daripada rektum Mohd Saiful, yang menunjukkan kehadiran air mani yang didakwa milik 'lelaki Y', yang kemudiannya dikaitkan dengan Anwar.

Menyentuh alasan lain, Ramkarpal berkata, ketika soal balas, Pereira bersetuju beliau telah membuka sampul dimeterai yang berisi 12 sampel peribadi Mohd Saiful.

"Sampel itu telah diusik sebelum ia sampai ke Jabatan Kimia dan mengikut pegawai penyiasat itu, beliau hanya mengikut Arahan Tetap Ketua Polis Negara (IGSO)," hujahnya.


Beliau berkata, Pereira hadir di HKL ketika sampel itu diambil dan dimeterai oleh Sheue Feng serta dua doktor lain.

Ramkarpal berhujah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan gagal mengambil kira bahawa tiada penjelasan lain berhubung tindakan Pereira yang ditimbulkan pembelaan.

"Penilaian penghakiman adalah amat penting. Bagaimanapun, Mahkamah Rayuan mengetepikan begitu sahaja kemungkinan (sampel) itu diusik," katanya.



Tiada Bukti Kukuh Berlaku Penembusan, Kata Pembela



PUTRAJAYA, 30 Okt (Bernama) -- Pasukan pembelaan dalam kes rayuan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai tuduhan liwat memberitahu Mahkamah Persekutuan di sini pada Khamis bahawa tiada bukti kukuh yang mengesahkan berlaku penembusan pada anus pengadu Mohd Saiful Bukhari Azlan dan fakta itu disahkan empat doktor yang membuat pemeriksaan terhadapnya.

Peguam Ramkarpal Singh berkata nota perubatan Dr Mohamed Osman Abdul Hamid daripada Hospital Pusrawi mengesahkan tiada kecederaan pada anus pengadu ketika pemeriksaan dilakukan terhadapnya, dua hari selepas kejadian itu didakwa berlaku.

Beliau memberitahu panel lima anggota yang diketuai Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria bahawa dapatan itu konsisten dengan dapatan tiga doktor Hospital Kuala Lumpur (HKL), tempat Mohd Saiful dirujuk selepas pengadu memberitahu Dr Mohamed Osman bahawa dia diliwat seorang VIP.

Peguam itu merujuk kepada laporan yang disediakan bersama oleh Dr Mohd Razali Ibrahim, Dr Siew Sheue Feng dan Dr Khairul Nizam Hassan pada 13 Julai 2008.

Ramkarpal berkata ketiga-tiga doktor itu tidak meminda dapatan mereka sehinggalah mereka ditunjukkan satu laporan yang disediakan [ahli kimia Dr Seah Lay Hong](#) tentang analisis terhadap sampel yang diambil daripada rektum Mohd Saiful, yang menunjukkan kehadiran air mani yang didakwa kepunyaan 'Male Y', yang kemudiannya dikaitkan dengan Anwar.

"Para doktor HKL itu hanya membuat andaian bahawa ada kemungkinan berlaku penembusan oleh zakar setelah dimaklumkan tentang lokasi sebenar sampel itu diambil," kata Ramkarpal.

Beliau berkata hakim perbicaraan dan hakim Mahkamah Rayuan terkhilaf langkah apabila mereka tidak membuat penilaian terhadap fakta bahawa doktor terbabit membuat andaian semata-mata.

Ramkarpal juga menyatakan bahawa ketika soal balas, pegawai penyiasat (bersara) Supt Judy Blacious Pereira bersetuju bahawa beliau telah membuka materi sampul yang berisi 12 reseptakel sampel peribadi Mohd Saiful.

"Sampel berkenaan telah diusik sebelum ia sampai ke [Jabatan Kimia](#) dan mengikut penjelasan pegawai penyiasat itu, beliau hanya mengikut Arahan Tetap Ketua Polis Negara (IGSO)," katanya.

Peguaam itu juga memberitahu mahkamah bahawa Pereira hadir di HKL ketika sampel itu diambil dan dimateri oleh Dr Siew serta dua doktor lain.

Ramkarpal berkata Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan gagal mengambil kira bahawa tidak terdapat penjelasan lain berhubung tindakan pegawai itu, yang ditimbulkan pihak pembelaan.

"Penilaian penghakiman adalah adalah sesuatu yang sangat penting. Bagaimanapun, Mahkamah Rayuan mengetepikan begitu sahaja kemungkinan berlaku pembelaan," katanya.

Beliau berkata Mahkamah Rayuan juga ternyata gagal menilai keterangan oleh saksi pakar pihak pembelaan Dr David Lawrence Wells tentang kemungkinan berlaku pembegaaan berikutan pengesanan DNA lelaki tidak dikenali pada satu daripada sampel yang diambil daripada rektum Mohd Saiful.

"Mereka (dua mahkamah itu) mengharapkan pihak pembelaan membuktikan berlaku pembegaaan, bukan menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwa," katanya.

Pada 7 Mac, Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman penjara lima tahun terhadap Anwar, 67, kerana meliwat Mohd Saiful di Unit 11-5-1, Kondominium Desa Damansara di Jalan Setiakasih, Bukit Damansara antara pukul 3.10 petang dan 4.30 petang 26 Jun 2008.

Tuduhan mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Perbicaraan bersambung esok, dengan ketua pasukan pendakwaan Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah akan mengemukakan hujah balas terhadap alasan rayuan yang dikemukakan pasukan pembelaan.

Rayuan ini menarik minat pemerhati antarabangsa, termasuk wakil International Commission of Jurists and Law Asia, Mark Trowell dan Elizabeth Evatt.

-- BERNAMA

KES LIWAT ANWAR

Hanya andaian berlaku tusukan

■ Tiga doktor HKL tidak menemui kesan luka pada dubur Saiful, konsisten laporan dari Pusrawi



MAHKAMAH

Oleh Fuad Hadinata Yaacob, Murni Wan Omar, Mohd Fady Samsudin dan Asmah Rusman
murni@hmetro.com.my
Putrajaya

Pihak pembelaan di dalam prosiding rayuan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Persekutuan di sini, semalam, mendakwa tidak ada penemuan klinikal kukuh bagi membuktikan berlaku tusukan ke dalam dubur bekas pembantu peribadi, Mohd Saiful Bukhari Azlan.

Peguam Ramkarpal Singh berkata, laporan penemuan tiga doktor perubahan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) iaitu Dr Mohd Razali Ibrahim, Dr Siew Sheue Feng dan Dr Khairul Nizam pada 13 Julai 2008 juga menunjukkan tidak ada kesan luka di bahagian dubur Mohd Saiful.

"Calitan diambil di beberapa bahagian Mohd Saiful Bukhari dan ia diserahkan kepada ketiga-tiga doktor bersama borang penyerahan barang bukti mengandungi maklumat di mana ia diambil pegawai penyiasat Superintendent Jude Pereira.

Menjadi pertikaian apabila ketiga-tiga doktor itu tidak dapat memberi komen atau mengetahui mengenai tusukan jika tidak terdapat maklumat di mana setiap calitan itu diambil.

"Pegawai perubahan itu tidak mengubah penemuan mereka sehingga diberikan laporan yang dikemukakan Ahli Kimia Dr Seah Lay Hong. Laporan Dr Seah adalah berdasarkan bukti yang diambil daripada bahagian rektum Mohd Saiful Bukhari. Ketiga-tiga mereka hanya membuat andaian berlaku tusukan berdasarkan laporan Dr Seah," katanya.

Prosiding rayuan yang masuk hari ketiga semalam, didengar di hadapan panel lima hakim diketuai Tan Sri Md Raus Sharif bersama-sama Tun Arifin Zakaria, Tan Sri Abdul Hamid Embong, Tan Sri Suriyadi Halim Omar dan Datuk Ramly Ali.

Anwar diwakili peguam Datuk Seri Gopal Sri Ram yang juga bekas hakim Mahkamah Persekutuan serta 13 peguam lain iaitu R Sivarasa, N Surendran, Ramkarpal



REAKSI Anwar ketika berjalan keluar dari kamar mahkamah, semalam

Singh, Sangeet Deo Kaur, J Leela, Lathcefa Koya, Lim Choon Khim, Michelle Yesudas, Shahid Adli Kamaruddin, Zaleha Al Hayat, Jeremy Vinesh Anthony dan Mohamed Aliff Bolkin. Sementara itu pendakwaan diwakili peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dan Datuk Mohamad Hanafiah Zakaria.

Ramkarpal berhujah pihak pendakwaan gagal mengemukakan saksi penting iaitu Dr Mohamed Osman Abdul Hamid dari Hospital Pusrawi iaitu doktor pertama yang ditemui Mohd Saiful.

"Dr Mohamed Osman membuat penemuan yang konsisten dengan laporan bersama Dr Mohd Razali, Dr Siew dan Dr Khairul Nizam. Beliau melakukan pemeriksaan menggunakan alat protoskop dan pelincir. Hasil pemeriksaan mendapati dubur Mohd Saiful Bukhari berada dalam keadaan normal. Tiada ada kesan fizikal seperti kesan koyakan atau luka mempertahankan diri.

"Melihat kepada penemuan itu, mahkamah sepatutnya mempersoalkan bagaimana DNA lelaki ditemui di dalam rektum Mohd Saiful.

Melalui penemuan ini, kami menghujahkan bahawa sampel yang dianalisis Dr Seah adalah berbeza dengan sampel yang diambil daripada Mohd Saiful. Jika sampel itu diambil dari orang yang sama pasti terdapat kesan tusukan di duburnya," katanya.

Menurutnya, mahkamah terkhilaf apabila tidak membuat penelitian yang betul terhadap semua bukti termasuk daripada Dr Seah sebaliknya menerima penemuan andaian tiga doktor

HKL itu. "Keadaan itu menyebabkan mahkamah tidak dapat melihat isu lebih kritikal iaitu sama ada rantaian bukti terputus apabila terdapat kemungkinan besar sampel yang salah dianalisis.

"Disebabkan inilah ia termaktub bahawa menjadi tugas mahkamah untuk menentukan penerimaan masuk bukti dan bukan oleh saksi terutama pakar yang tugasnya hanya untuk membuat mahkamah dalam membuat sebarang kesimpulan," katanya.

Ramkarpal berkata, tiga doktor HKL itu juga turut berpandangan bahawa tusukan itu berlaku bagaimana pun alasan tiada kesan dilihat kerana Mohd Saiful lewat ke hospital, penggunaan bahan pelincir, tiada kekeerasan digunakan ketika kejadian atau mangsa tidak melawan.

"Melihat kepada keterangan Mohd Saiful, dia mendakwa ketika kejadian, Anwar melakukan dengan agak rakus dan laju sehingga menyebabkan kesakitan dan senak di bahagian perut. Kejadian yang didakwa berlaku selama lima minit itu diakhiri dengan air mani dipancut ke dalam lubang duburnya. Jika

“Melihat kepada penemuan itu, mahkamah sepatutnya mempersoalkan bagaimana DNA lelaki ditemui di dalam rektum Mohd Saiful”

Ramkarpal

kejadian ini benar berlaku pastinya terdapat kesan dan ia akan dikesan tiga doktor itu. "Apa penjelasan yang ada jika tiada kesan kecederaan dijumpai dari kejadian itu jika ia tidak berlaku," katanya.

Anwar, 67, mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan sebelum ini yang menjatuhkan hukuman penjara lima tahun terhadapnya atas kesalahan meliwat Mohd Saiful, 27.

Jika rayuan itu gagal, Anwar bukan saja berhadapan hukuman penjara, malah akan hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen. Pada 7 Mac lalu, Mahkamah Rayuan mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi dengan membenarkan rayuan pendakwaan untuk sabitkan Anwar bagi pertuduhan meliwat seraya menjatuhkan hukuman penjara lima tahun.

Panel tiga Hakim Mahkamah Rayuan dipengerusikan Datuk Balia Yusof Wahid membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi pada 9 Januari 2012 yang melepaskan Anwar daripada pertuduhan itu.

Dalam keputusan sebulat suara, mahkamah mendapati tiada alasan untuk mereka mengganggu penemuan hakim pembicaraan Datuk Mohamed Zabidin Mohd Diah mengenai isu kredibiliti Mohd Saiful dan bahawa tiada yang tidak munasabah dengan keterangannya.

Oleh itu, Anwar bersalah terhadap pertuduhan meliwat Mohd Saiful di sebuah unit kondominium Desa Damansara di Bukit Damansara, antara jam 3.10 petang dan 4.30 petang pada 26 Jun 2008.

Kronologi hari ketiga prosiding rayuan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim

- **7.30 pagi:** Pengamal media tempatan dan luar negara mulai tiba di pekarangan Istana Kehakiman.
- **9 pagi:** Anwar tiba dan terus menuju masuk ke Istana Kehakiman bagi mengikuti pendengaran rayuan kes liwat yang dihadapinya di mahkamah.
- **10.30 pagi:** Penyokong Anwar mulai tiba dan berkumpul di luar pekarangan Istana Kehakiman dengan dikawal anggota polis.
- **11 pagi:** Kira-kira 40 penyokong Anwar membaca surah Yasin di luar pekarangan Istana Kehakiman.
- **11.50 pagi:** Penyokong berkumpul dan mendengar ucapan beberapa pemimpin PKR sambil melaukan reformasi.
- **12 tengah hari:** Puluhan penyokong Saiful Bukhari tiba di pekarangan Istana Kehakiman dan anggota polis bersiap sedia mengawal keadaan.
- **12.30 tengah hari:** Penyokong pembangkang berkumpul sekali lagi dan bersambung mendengar ucapan pemimpin mereka.
- **1 petang:** Kira-kira 50 penyokong pembangkang solat Zuhur secara berjemaah di kawasan berhampiran Istana Kehakiman sebelum beredar.

Pendakwaan bahas hujah hari ini, Isnin

Putrajaya: "Saya mohon penangguhan dan akan berhujah esok (hari ini) bagi membolehkan kami meneliti isu baru yang di bangkitkan pembelaan," kata peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili pendakwaan di dalam rayuan terhadap hukuman penjara lima tahun yang dikenakan terhadap Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim atas kesalahan meliwat bekas pembantu peribadinya.

Muhammad Shafee berkata pihaknya sudah menyediakan dua bahagian besar hujahan yang terdiri daripada isu yang sedia ada dan fakta kritikal.

"Saya tidak fikir ia dapat dihabiskan dalam sehari, jadi saya akan sambung Isnin depan," katanya yang ditemui selepas pihak pembelaan selesai mengemukakan hujah di Istana Kehakiman, di sini, semalam.

Bellau yang dibantu Timbalan Pendakwa Raya Datuk Mohamad Hanafiah Zakaria turut memaklumkan pihak pembelaan sepatutnya mengemukakan

hujah bertulis kepada mereka, dua minggu lalu.

Bagaimanapun, Muhammad Shafee berkata, pihaknya menerima hujah pembelaan itu pada hari pertama pendengaran ia itu Selasa lalu.

Menurut Shafee, penangguhan itu juga diminta berikutan terdapat permohonan pembelaan meminda petisyen rayuan yang difailkan Anwar pada 24 April lalu.

Melalui petisyen itu, Anwar mengemukakan 35 alasan bagi mengetepikan keputusan Mahkamah Rayuan yang menjatuhkan hukuman penjara lima tahun terhadapnya.

Anwar mendakwa, panel tiga hakim Mahkamah Rayuan terkhilaf, apabila membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan mensabitkan beliau dengan kesalahan liwat itu.

Katanya, panel itu ter salah arah apabila tidak memutuskan ada keraguan dalam keterangan Mohd Saiful, sebaliknya memutuskan ada keterangan sokongan yang menyokong keterangannya.

Penyokong Anwar yang hadir di Istana Kehakiman pagi semalam tinggal 30 orang

Shafee kemuka hujah hari ini

Rayuan kes liwat Anwar



Oleh HELMI MOHD. FOAD, FAIZAL NAZARUDDIN dan NUR AISHAH AMIN
benta@kosmo.com.my

PUTRAJAYA - Pihak pendakwaan kes rayuan liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim diketuai Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah semalam meminta penghujahannya di Mahkamah Persekutuan di sini dilakukan bermula hari ini yang dijangka mengambil masa sehingga sebelah petang.

Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria kemudian menetapkan hujahan balas pasukan pembelaan akan bermula pada Isnin minggu depan.

Semalam, Mahkamah Persekutuan turut diberitahu tiada kesan luka pada dubur Mohd. Saiful Bukhari Azlan yang mendakwa diliwat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Peguam Ram Karpal Singh dalam hujahnya di hadapan lima panel hakim yang diketuai Arifin mendakwa, ekoran tiada kesan luka ditemui pada dubur Mohd. Saiful, terdapat keraguan berlaku penembusan pada dubur pengadu.

Menurut Ram, nota perubahan Dr. Mohamed Osman Abdul Hamid dari Hospital Pusrawi mengesahkan tiada kecederaan pada anus pengadu ketika pemeriksaan dilakukan selepas dua hari kejadian itu didakwa berlaku.



HANYA beberapa orang penyokong Anwar masih datang memberi sokongan kepada Ketua Pembangkang itu di Istana Kehakiman di Putrajaya semalam.

Beliau memberitahu bahawa dapatan itu konsisten dengan dapatan laporan tiga doktor Hospital Kuala Lumpur (HKL), tempat Mohd. Saiful dirujuk selepas pengadu memberitahu Dr. Mohamed Osman bahawa dia diliwat.

Peguam itu merujuk kepada laporan yang disediakan bersama oleh Dr. Mohd. Razali Ibrahim, Dr. Siew Sheue Feng dan Dr. Khairul Nizam Hassan pada 13 Julai 2008.

Ram Karpal berkata, ketiga-tiga doktor itu tidak meminda dapatan mereka sehinggalah mereka ditunjukkan satu laporan yang disediakan ahli kimia Dr. Seah Lay Hong tentang analisis terhadap sampel yang diambil daripada dubur Mohd. Saiful, yang menunjukkan kehadiran air mani yang didakwa kepunyaan 'Lelaki Y', yang kemudian dikaitkan dengan Anwar.

"Selain itu, Mohd. Saiful memberitahu, dia juga diperlakukan secara kasar menyebabkan kesakitan luar biasa berlaku dalam masa lima minit.

"Namun, dia memaklumkan kepada pegawai penyiasatan dan doktor di HKL, kejadian liwat itu berlaku selama 30 minit," katanya.

Hujah Ram lagi, jika kejadian liwat itu berlaku dalam tempoh lama sudah tentu akan terdapat tanda-tanda kecederaan pada dubur pengadu.

Justeru, kata peguam itu, perkara itu secara tidak langsung menimbulkan keraguan yang jelas pada testimoni Mohd. Saiful.

Ram mengakhiri hujahannya dengan memberitahu, tiada kesan air mani pada seluar dalam Mohd. Saiful selepas kejadian liwat itu berlaku.

"Seluar dalam yang digunakan Mohd. Saiful pada hari kejadian

Perbicaraan Rayuan Kes Liwat Anwar

BARISAN HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN



TUN ARIFIN ZAKARIA



DATUK RAMLI ALI



TAN SRI SURIYADI HALIM OMAR



TAN SRI ABDULL HAMID EMBONG



TAN SRI MD. RAUF SHARIF

PENDAKWAAN



TAN SRI DR. MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH



DATUK MOHAMAD HANAFIAH ZAKARIA

MANGSA LIWAT



MOHD. SAIFUL

PEMBELAAN



DATUK SERI GOPAL SRI RAM



TERTUDUH ANWAR

telah dibasuh tetapi kesan air mani ditemui pada seluar dalam lain yang tidak digunakan pada hari itu," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Putrajaya, Asisten Komisyoner Abdul Razak Abdul Majid mengesahkan jumlah penyokong kedua-dua belah pihak yang hadir di Istana Kehakiman semalam hanya kira-kira 200 orang.

Katanya, sepanjang prosiding berjalan kedua-dua pihak penyokong tidak melakukan

sebarang provokasi atau menimbulkan masalah di kawasan tersebut.

Tinjauan Kosmo! di sekitar Istana Kehakiman pada pukul 8 pagi mendapati tidak lebih 30 penyokong Anwar hadir menyambut ketibaan pemimpin itu seperti pada hari pertama dan hari kedua prosiding.

Selain itu, gerai-gerai yang sebelum ini dibina berhampiran Istana Kehakiman sudah tiada ekoran amaran pihak berkuasa.

Testimoni Saiful timbul keraguan



Anwar (kiri) bersama peguam belanya, N Surendran tiba di mahkamah untuk perbicaraan pada hari ketiga, semalam.

PUTRAJAYA- Mahkamah Persekutuan diberitahu tiada sebarang koyakkan atau luka pada dubur Mohd Saiful Bukhari Azlan, 29, yang didakwa diliwat oleh Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Peguam bela, Ram Karpal Singh dalam hujahannya semalam berkata, semasa keterangan Mohd Saiful mendakwa dia diliwat lima minit namun memberitahu pegawai penyiasat serta doktor Hospital Kuala Lumpur (HKL) insiden itu berlaku selama 30 minit.

"Bagaimana tiada sebarang luka pada rektumnya sedangkan dia mendakwa telah diliwat secara rakus dan laju pada masa itu?" soalnya.

Menurutnya keterangan Mohd Saiful telah menimbulkan keraguan jelas.

Beliau berkata, Pegawai Perubatan Hospital Pusrawi Dr Mohd Osman Abdul

Hamid dalam laporannya juga mendapati dubur Mohd Saiful berada dalam keadaan normal.

"Bagaimana air mani ditemui di dalam rektum padahal tiada bukti penembusan?" soalnya.

Ram berkata, hakim mahkamah tinggi dan Mahkamah Rayuan terkhilaf dengan menjangkakan sampel ditemui adalah betul.

"Ia boleh berlaku sekiranya sampel berbeza digunakan," katanya.

Menurutnya, seluar dalam yang dipakai oleh Mohd Saiful pada hari insiden tidak mempunyai kesan air mani.

"Seluar dalam yang digunakan dalam insiden itu dibasuh namun kesan air mani ditemui pada seluar dalam yang tidak digunakan pada hari itu," katanya.

Selain itu Ram turut mendakwa sel sperma tidak dipisahkan dengan betul oleh

Jabatan Kimia Negara.

"Oleh demikian bukti asid deoksiribonukleik (DNA) dan bukti saintifik tidak boleh dipercayai," katanya.

Pendengaran hujahan pembelaan bagi rayuan terakhir Anwar, 67, memakan masa selama tiga hari bermula 28 Oktober lalu tamat dan akan disambung oleh pendakwa.

Sementara itu, Ketua Pendakwa Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah memohon agar diberikan masa untuk menyediakan hujahan balas bagi setiap isu yang dibangkitkan oleh peguam bela.

Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria yang mengetuai lima panel hakim membenarkan permohonan Muhammad Shafee dan menangguhkan prosiding pada tengah hari semalam.

Prosiding seterusnya bersambung pada hari ini.



LAPORAN Harian Metro, semalam

"Kami nasihatkan pengguna Internet mempunyai perisian antivirus"

Dr Amirudin Abdul Wahab

Oleh Muhd Izawan Baharin, Yusmizal Dolah Aling dan Rizanizam Abdul Hamid
am@hmetro.com.my
Seri Kembangan

SUSULAN PENGINTIP MUDAH ALIH

Waspada penggodam amatur

■ Berpotensi jadi ejen sebar 'malware' secara tidak sedar

'Malware' atau virus mudah alih boleh tersebar menerusi perbuatan menggodam yang dilakukan 'script kiddies' atau penggodam amatur secara tidak langsung.

Ini kerana walaupun 'script kiddies' dilihat tidak memberi kesan besar kepada jenayah siber berbanding penggodam profesional, namun mereka boleh menjadi 'ejen' kepada penyebaran 'malware' apabila memuat turun perisian tertentu untuk menggodam secara kecil-kecilan.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia (CyberSecurity) Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, golongan itu perlu diberi kesedaran mereka mungkin boleh mengancam keselamatan pengguna Internet di negara ini.

"Kita khuatir golongan ini tidak sedar perbuatan menggodam yang didorong rasa ingin menunjuk-nunjuk se-

benarnya menjadi 'ejen' kepada penyebaran 'malware'.

"Bagi mengatasi masalah ini, kami menasihatkan pengguna Internet supaya sekurang-kurangnya mempunyai perisian antivirus dalam peralatan digital digunakan bagi mengelak menjadi mangsa penjenayah siber," katanya.

Menurutnya, apa yang membimbangkan pihaknya

ialah kebanyakan pengguna terutama telefon pintar langsung tidak mempunyai perisian antivirus sekali gus membuka peluang kepada kehadiran 'malware'.

"Keadaan ini memudahkan 'malware' membolosi apa saja maklumat peribadi yang tersimpan di dalam telefon pintar seperti akaun bank, emel, gambar, maklumat kesihatan dan alamat

rumah. "Berbanding mempunyai perisian anti-virus yang sentiasa dikemas kini, ia mampu mengesan dan menghalang sebarang aktiviti 'malware'," katanya.

Beliau berkata, risiko paling besar dan kritikal yang dihadapi pengguna yang tidak mempunyai perisian antivirus ialah menjadi mangsa 'malware' jenis botnet.

"Botnet boleh dikawal dari jauh mengikut apa saja kehendak pembuatnya dan boleh menjadi ejen serangan 'Distributed Denial of Service' (DDoS)," katanya.

Harian Metro semalam melaporkan mengenai keghairahan pengguna telefon bimbit memuat turun aplikasi permainan video terutama popular boleh mendedahkan mereka kepada 'malware'.

Penggodam hanya perlu menyelit 'malware' di dalam aplikasi permainan itu dan sebaik ia dimuat turun pengguna ke telefon pintar, mereka mempunyai akses terhadap maklumat peribadi pemilikinya.

'Script kiddies' semuda 9 tahun

Kuala Lumpur: "Ketika berusia sembilan tahun, saya sudah menggodam lebih 10,000 akaun e-mel individu yang tidak dikenali hanya menggunakan perisian khas yang dimuat turun dari Internet."

"Saya juga pernah guna cara itu untuk mengugut rakan sekelas dan semua itu semata-mata menunjukkan kehebatan diri," dakwa seorang penggodam amatur atau 'script kiddies', yang mahu dikenali sebagai Zul 17.

Dia yang kini sudah insaf dengan perbuatannya itu berkata, 'script kiddies' gelaran diberikan terhadap golongan seperti itu yang menggodam melalui cara paling asas menggunakan 'tools' yang direka pereka perisian atau penggodam profesional.

"Namun, saya langsung tidak menyedari perisian itu sebenarnya mengandungi pelbagai jenis virus 'malware' yang digunakan penjenayah siber untuk mendapat akses kepada sistem operasi peranti.

"Ini bermakna secara tidak langsung saya 'membantu' penjenayah siber mendapatkan segala maklumat peribadi individu di dalam e-mel mereka walhal saya melukukannya sekadar menunjuk kehebatan diri," katanya, semalam.

Menurutnya, berbanding penggodam atau 'hackers', pengetahuan 'script kiddies' agak terhad kerana baru menge-

nali kaedah menggodam menyebabkan mereka taksub dengan kebolehan tanpa menyedari risiko dihadapi.

"Pernah sekali saya mencipta perisian permain komputer palsu dan penggemar permainan itu yang ingin memuat turun dari Internet perlu memasukkan e-mel dan kata laluan sedangkan maklumat itu saya gunakan untuk mengakses e-mel mereka.

"Mujurlah ketika itu saya tidak melakukan perkara menyalahi undang-undang dan sekadar mengakses e-mel untuk mendapatkan 'markah' permainan komputer," katanya.

Zul berkata, dia bernasib baik apabila pada 2011, ada dalam kalangan rakan memperkenalkan kumpulan 'script kiddies' yang dilatih penggodam mengenai kaedah mengembangkan lagi kemahiran mereka ke arah yang mendatangkan manfaat.

Sementara itu, rakan-nya yang mahu dikenali sebagai Raz, 26, berkata, kumpulan penggodam berkenaan mengadakan latihan percuma melalui 'Skype' untuk melatih 400 'script kiddies' dari seluruh negara secara percuma.

"Apa yang kumpulan ini lakukan ialah bagi mengelak kemahiran 'script kiddies' disalah guna penjenayah siber yang mahu mengambil kesempatan untuk kepentingan mereka," katanya.

Putaran bumi tetap sama

■ Waktu solat lebih awal pada penghujung tahun perkara biasa

Oleh Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

"Sebenarnya hujah yang dipetik ialah pergerakan medan magnet kutub bumi. Memang ada kajian berkaitannya dan memang ia bergerak seperti dikatakan. Tapi ia lebih memberi kesan kepada pergerakan atau arah kompas kita.

"Pergerakan kutub magnet bumi tidak berkait secara langsung dengan pergerakan bumi yang mengakibatkan kejadian siang dan malam. Ini yang perlu difahami dan apa yang disebarkan itu bercanggah sama sekali," kata Pegawai Penyelidik

Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Mohammad Redzuan Tahar.

Menurutnya, kesan pergerakan kutub medan magnet bumi ini hanya memberikan kesan kecil kepada kompas dan langsung tiada kena mengena

dengan putaran bumi pada paksinya, termasuk kejadian siang dan malam serta pergerakan matahari dari timur ke barat.

"Kajian yang NASA buat dan beberapa saintis lain menunjukkan medan magnet kutub itu memang bergerak dan ia berlaku di sekitar kutub utara bumi. Ia sentiasa bergerak dan tidak pernah berhenti. Ia mengambil masa ribuan tahun untuk melengkapkan satu pusingan," katanya.

Beliau mengulas penyebaran aplikasi WhatsApp sejak beberapa hari lalu mengenai waktu solat yang semakin awal dan mempunyai kaitan dengan pusingan bumi semakin laju yang menjadi viral dalam kalangan pengguna telefon

bimbit.

Beliau berkata, ia sesuatu yang normal kerana bagi yang terbabit di dalam penyediaan takwim, mereka akan melihat waktu sembahyang berubah daripada awal tahun, lambat sekitar bulan Ogos dan kembali cepat pada penghujung tahun.

"Ia sentiasa bergerak dan tidak pernah berhenti serta ambil masa ribuan tahun untuk melengkapkan satu pusingan"

Mohammad Redzuan Tahar

UNIMAP SASAR JADI TRU MENJELANG 2020

MELIHATKAN senarai pencapaiannya yang panjang, mungkin ramai tidak percaya dengan usia Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Bayangkan baharu berusia 13 tahun, universiti itu telahpun berjaya meraih 741 pingat (emas/perak/gangsa) dalam penyertaan pameran peringkat dalam dan antarabangsa setakat ini.

Sebelum tirai Oktober berlabuh sahaja, UniMAP mengharumkan nama Malaysia apabila melakar tiga lagi kejayaan menerusi empat penyelidikannya yang meraih enam anugerah pada pameran British Invention Show (BIS) 2014 di London dan satu anugerah khas daripada *Haller Pro Invention Foundation* di Poland.

Sebelum ini, seramai 38 penyelidik UniMAP memenangi anugerah khas menerusi beberapa pameran antaranya MTE, PECIALTA, BIS Invention, IENA, INOVA, SIIF, EUROINVENT, ITEX dan BIOMALAYSIA.

Pengiktirafan antarabangsa seterusnya diberikan kepada UniMAP menerusi anugerah *The Golden Europe Award for Quality & Commercial Prestige* 2014 oleh *Association Otherways Management & Consulting - France (OMAC)* di Geneva. Anugerah berprestij itu sebagai penghargaan kepada semua firma dan institusi dari seluruh dunia yang cemerlang dalam bidang kualiti dan kecemerlangan.

Terbaharu, UniMAP bakal mewakili negara ke pertandingan *Asia-Pacific ICT Alliance Awards (APICTA)* peringkat Asia Pasifik dari 24 hingga 27 November ini setelah berjaya memenangi kategori *Communication Application* dalam majlis Anugerah APICTA yang diadakan di ibu negara semalam.

APICTA adalah satu program anugerah antarabangsa yang menyediakan platform kepada individu, pelajar, perusahaan kecil dan sederhana, pencipta dan usahawan di dalam industri ICT untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka ke peringkat antarabangsa.

Hakikatnya, UniMAP bukan calang-calang universiti apabila berada dalam kelompok 300 universiti terbaik Asia berdasarkan penilaian



rencana@utusan.com.my

QS University Rankings Asia 2013. Kedudukan UniMAP di tangga ke-242 meletakkannya dalam kelompok 10 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terbaik di Malaysia sekali gus memberikan kesan positif kepada sektor pengajian tinggi negara.

Naib Canselor UniMAP, Prof. Datuk Dr. Kamarudin Hussin berkata, pencapaian ini amat membanggakan kerana UniMAP tidak tersenarai dalam kelompok 300 institusi terbaik Asia berdasarkan penilaian 2012. Ia peningkatan 176 anak tangga berbanding kedudukan ke-419 yang mencerminkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta pengantarabangsaan yang semakin meningkat.

"Peningkatan ketara itu juga hasil kejayaan penyelidikan yang meraih pelbagai pengiktirafan dari dalam dan luar negara," katanya. UniMAP yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) diluluskan sebagai IPTA pada 25 Julai 2001 dengan matlamat asal melahirkan tenaga kerja tekno, namun atas kewibawaan pemimpinan Kamarudin, ia kini giat mempersiapkan diri sebagai universiti penyelidikan teknikal (TRU) menjelang 2020.

Kamarudin mendedahkan, sasaran TRU telahpun dirancang sejak awal penubuhan universiti iaitu sejurus beliau dilantik Rektor KUKUM dengan membawa misi dan visi untuk menjadikan UniMAP bukan sahaja terkenal hebat di dunia dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahkan dalam bidang penyelidikan.

"Hasrat saya ini bukan mimpi tetapi saya terjemahkannya ke dalam misi dan visi melalui pembelian peralatan untuk P&P dan bagi tujuan penyelidikan sejak awal penubuhan UniMAP," katanya.

Tambahnya, usaha merealisasikan TRU mendapat sokongan warga UniMAP.

Bidang penyelidikan kini sudah



DR. KAMARUDIN HUSSIN

menjadi satu budaya, buktinya, sejumlah 3,874 artikel penyelidik UniMAP diterbitkan di dalam jurnal yang tersenarai di pangkalan Scopus dan *Web of Science* dari 2003 hingga Mei 2014, manakala sebanyak 260 penerbitan ilmiah dihasilkan oleh penerbit UniMAP bagi tempoh 2009 hingga Mei 2014.

Mengenai bidang penyelidikan yang dikomersialkan, Kamarudin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor (JKNCR) IPTA Malaysia menjelaskan tidak semua hasil penyelidikan dinilai dalam bentuk wang ringgit secara terus, namun hasilnya dinilai menerusi penerbitan ilmiah dalam jurnal-jurnal tempatan dan antarabangsa.

Setengah penyelidikan katanya, memang tidak direka bentuk untuk menghasilkan produk yang boleh dikomersialkan, sebaliknya dapatan penyelidikan digunakan sebagai asas rujukan untuk membangunkan dasar-dasar yang mendatangkan manfaat kepada rakyat dan negara.

Tegas beliau, komersialisasi hanyalah satu komponen kecil penyelidikan. Hasrat utama penubuhan sesebuah universiti ialah mendidik pelajar menjadi modal insan yang mampu memacu pertumbuhan ekonomi negara, katanya.

Penyelidik universiti juga ujarnya bukan saintis yang menumpukan sepenuh perhatian untuk menjana keuntungan hasil pengkomersialan dapatan penyelidikannya, sebaliknya apa yang lebih penting ialah melahirkan generasi berilmu.

Kamarudin berkata, satu lagi

komponen yang wujud dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) tetapi tidak dapat dinilai oleh masyarakat ialah pemindahan teknologi dan pengetahuan serta konsultansi.

UniMAP sendiri jelasnya, telah menjana lebih RM5.5 juta dalam aspek konsultansi yang turut melibatkan proses pemindahan teknologi antara universiti dan pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

"Menerusi medium ini, universiti akan mencari penyelesaian permasalahan menggunakan teknologi atau peralatan yang terdapat di kampus. Dengan kata lain, universiti menjadi penyedia penyelesaian (*solution provider*) kepada industri.

"Dari segi pemindahan teknologi ini juga, ia tidak hanya tertumpu kepada industri sahaja, malahan agensi kerajaan juga boleh mendapat manfaatnya. Sebagai contoh, UniMAP sedang membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) menaik taraf sistem robot bagi pemusnah bom mereka.

"Terbaharu, UniMAP juga bekerjasama dengan Institut Sukan Negara (ISN) bagi meningkatkan pencapaian atlet menggunakan teknologi. Proses-proses ini dilihat lebih penting dalam membudayakan sektor penyelidikan dan inovasi dalam kalangan masyarakat di negara ini," katanya.

Sebanyak 34% daripada RM84 juta geran yang diperoleh UniMAP bagi penyelidikan dari 2003 hingga 2014 adalah untuk penyelidikan asas manakala bakinya untuk penyelidikan berbentuk aplikasi.

Dalam usaha meningkatkan bilangan produk yang dikomersialkan, UniMAP dengan kerjasama *Malaysia Technology Development Corporation (MTDC)* dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah mewujudkan program simbiosis.

Ia bertujuan memimpin para graduan yang cenderung dalam bidang perniagaan menubuhkan syarikat sendiri yang membatinkan pembangunan produk penyelidikan UniMAP dengan pembiayaan daripada MTDC. Setakat ini, sebanyak 12 produk yang dihasilkan penyelidik UniMAP telah mendaftar hak cipta.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 67
TARIKH: 31 OKTOBER 2014 (JUMAAT)

Menarik hari ini

MTDC lebar
sayap syarikat
di Timur Tengah

Malaysian Technology
Development Corporation
(MTDC) menyediakan
kemungkinan lebih banyak
peluang kerjasama kepada
syarikat tempatan di Timur
Tengah menerusi
pemeteraian memorandum
persefahaman (MoU).
MoU dengan FATHIMA
Group of Companies
berpangkalan di Dubai
ditandatangani semasa
Forum Ekonomi Islam
Sedunia (WIEF) 2014,
baru-baru ini dengan
disaksikan Perdana Menteri,
Datuk Seri Najib Razak.